

AMALI

[100 markah]

Arahan :

Calon dikehendaki melaksanakan aktiviti seperti di bawah dengan baik sebagai bukti keterampilan:

Soalan 1

Sebagai seorang pereka grafik di sebuah syarikat pengiklanan, anda dikehendaki menghasilkan semula **satu (1)** reka bentuk bahan promosi iaitu **flyers** bagi sebuah kedai menjual motor *cafe racer* yang bakal dilancarkan pada bulan Januari 2024. Nama kedai tersebut adalah **Royal Engine** dengan *tagline* '**Ride with Proud**'. Anda bebas menentukan imej dan maklumat bersesuaian pada rekaan tersebut dengan menggunakan kombinasi dua perisian iaitu suntingan imej dan grafik vektor. Contoh logo adalah seperti Gambarajah 1 di bawah. Anda boleh menyalin semula logo berkenaan atau menghasilkan semula logo anda menggunakan perisian grafik vektor yang telah dipelajari.

CLO 3

Gambarajah 1

Konsep dan imej perlulah bersesuaian bagi mendapatkan hasil yang kreatif dan menarik. Saiz reka bentuk adalah **A4** berorientasikan potret dan mengandungi elemen tipografi, warna, imej dan rekaletak yang menepati prinsip reka bentuk.

Proses reka bentuk *flyers* anda perlulah berpandukan kepada kriteria-kriteria berikut:

a) Tentukan kandungan dan konsep

- i. Nyatakan konsep yang memenuhi keperluan tajuk, mudah difahami dan menarik.

(15 markah)

b) Tentukan susun atur (*layout*).

- i. Hasilkan lakaran tiga (3) *thumbnail*.

(5 markah)

- ii. Hasilkan lakaran semi komprehensif yang memenuhi keperluan konsep dengan baik

(5 markah)

- iii. Hasilkan lakaran komprehensif memenuhi keperluan konsep dengan baik

- Skala
- Warna

(5 markah)

- iv. Hasilkan semula reka bentuk grafik dengan susunan keseluruhan elemen yang kreatif dan memenuhi prinsip rekabentuk.

(10 markah)

c) Sunting imej menggunakan perisian penyuntingan.

- i. Gunakan dua (2) imej yang beresolusi tinggi

(5 markah)

- ii. Hasilkan grafik manipulasi imej yang kemas dengan menggunakan *tools* yang bersesuaian.

(10 markah)

d) Tetapkan grafik pada reka bentuk menggunakan perisian vektor.

i. Pamerkan *font* yang menepati semua ciri-ciri pemilihan *font* yang baik dalam reka bentuk grafik.

- Jenis
- Saiz
- Warna
- Reka letak

(10 markah)

ii. Pamerkan penggunaan vektor grafik yang kemas dan menepati konsep reka bentuk.

- Warna
- Ilustrasi
- Reka letak

(10 markah)

e) Hasil akhir

i. Tunjukkan reka bentuk grafik pengiklanan dengan baik dan mengikut konsep reka bentuk yang ditetapkan.

(10 markah)

ii. Hasilkan dokumentasi yang lengkap yang menunjukkan proses kerja secara terperinci

(10 markah)

iii. Tunjukkan hasil akhir yang menepati semua ciri-ciri kekemasan.

- Saiz
- Kualiti cetakan (jenis kertas, kualiti warna cetakan)
- Lain-lain yang bersesuaian

(5 markah)

SOALAN TAMAT

Selamat Menjawab